



## UPM Majukan Teknologi Pertanian Kepada Petani



*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar menyampaikan cenderamata kepada Datuk Naib Canselor.*

**TANJONG KARANG, 8 MEI** - Universiti Putra Malaysia (UPM) memainkan peranan untuk memajukan teknologi pertanian kepada petani di negara ini kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar.

Katanya, kekuatan UPM dalam bidang pertanian yang menjurus kepada inovasi dan bioteknologi mampu mendidik petani dalam mengubah sistem pertanian dengan penggunaan teknologi moden.

"Ini akan meningkatkan taraf hidup dan membantu menggiatkan proses memudahkan teknologi kepada petani menerajui sektor pertanian negara bersesuaian perkembangan ekonomi negara," katanya ketika berucap dalam program Juara Rakyat Kementerian Bersama Pakar Pertanian UPM di sini.

Program anjuran Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) UPM dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu membawa pakar dari UPM terus ke lapangan untuk bersama masyarakat setempat bagi mengenal pasti masalah pertanian penduduk Tanjong Karang.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata program yang dijalankan di Tanjong Karang itu merupakan siri kelima selepas Temerloh, Pahang; Jeli, Kelantan; Batu Pahat, Johor dan Pekan di Pahang.

"Hari terbuka ini merupakan program khidmat masyarakat (CSR) UPM secari pengembangan pertanian untuk mendekati masyarakat terutamanya petani, penternak dan usahawan tani secara langsung.

"Program ini membolehkan UPM untuk memperkenalkan hasil penemuan penyelidikan dan teknologi yang sedia ada kepada petani dan usahawantani supaya ia dimanfaatkan bagi memantapkan program pembangunan pertanian secara keseluruhannya," katanya.

Pakar Pertanian UPM, Prof. Madya Dr. Maheran Abd Aziz daripada Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian berkata ramai petani berminat dengan teknologi kultur tisu kerana teknik moden tersebut dapat mempercepatkan proses tumbesaran tanaman konvensional seperti pisang.



*Prof. Madya Dr. Maheran Abd Aziz.*

“Bagi mengaplikasikan teknologi itu, petani harus mempunyai makmal kecil bagi menempatkan tanaman kultur tisu sebelum dipindahkan ke ladang. Walau bagaimanapun kos melaksanakan projek ini menelan belanja sekurang-kurangnya RM50 ribu.

“Diharapkan kos masalah ini dapat diselesaikan dengan pendekatan terbaik seperti bantuan dana, subsidi atau pinjaman di samping membimbing petani supaya teknologi ini dapat diaplikasikan sepenuhnya,” katanya.

Program hari terbuka itu dihadiri lebih daripada 1,000 orang peserta, kebanyakannya daripada golongan petani, usahawan tani dan penduduk kampung.

Klinik pakar UPM yang disediakan ialah Sains Tanaman, Perniagaantani, Akuakultur, Perlindungan Tumbuhan, Teknologi Pertanian, Kesuburan dan Pengurusan Tanah, Ayam dan Pemakanan Haiwan, Perubatan Akuatik, Perubatan Ruminan dan Teknologi Makanan.



**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013/Fotografi Noorzreen Awang,89466199 & Mohd Sabri Omar).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia